

TARIKH	8 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	16	RUANGAN	Dlm Negeri

## Bonus Tabung Haji 8 peratus

● Lembaga Tabung Haji semalam mengumumkan bonus sebanyak lapan peratus, iaitu yang tertinggi dalam sejarah 50 tahun penubuhannya.

● Bonus berkenaan adalah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.



TABUNG HAJI  
تَابُغُ الْحَاجِّ

● Agihan tersebut merangkumi bonus tahunan sebanyak 6.5 peratus dan bonus khas sempena sambutan Jubli Emas penubuhan Tabung Haji sebanyak 1.5 peratus.

● Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, Tabung Haji membelanjakan RM2.46 bilion bagi pembayaran bonus tersebut kepada 8.2 juta pendeposit.

Ini adalah hadiah ulang tahun terbaik bagi menghargai kesetiaan pendeposit yang sentiasa aktif menyimpan dana dengan Tabung Haji.

- JAMIL KHIR BAHAROM

BERITA PENUH DI MUKA 6

Tertinggi dalam sejarah 50 tahun penubuhan

## Bonus Tabung Haji 8 peratus

Oleh NORLAILI ABD. RAHMAN

penarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 7 Feb. - Lembaga Tabung Haji hari ini mengumumkan bonus sebanyak lapan peratus iaitu yang tertinggi dalam sejarah 50 tahun penubuhannya.

Bonus berkenaan adalah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Agihan tersebut merangkumi bonus tahunan sebanyak 6.5 peratus dan bonus khas sempena sambutan Jubli Emas penubuhan Tabung Haji sebanyak 1.5 peratus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, Tabung Haji membelanjakan RM2.46 bilion bagi pembayaran bonus tersebut kepada 8.2 juta pendeposit.

"Ini adalah hadiah ulang tahun terbaik bagi menghargai kesetiaan pendeposit yang sentiasa aktif menyimpan dana dengan Tabung Haji.

Malah kedudukan kewangan yang positif dan kukuh serta lebih wang rizab yang dikumpul sejak tujuh tahun lalu turut membolehkan Tabung Haji memberi hadiah istimewa ini," katanya ketika mengumumkan pemberian bonus Jubli Emas bagi tahun kewangan 2012 di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan Pengarah Urusan

Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Paduka Ismee Ismail.

Tambah Jamil Khir, kadar bonus Tabung Haji adalah kompetitif me-